

# Kebenaran

Apabila seseorang membawa kebenaran atau menerangkan apa-apa yang benar maka pada permulaannya ia terasing. Tidak disetujui dan orang yang membawanya akan dimusuhi dan dibenci, bahkan ia akan dianiaya dan jiwa orang itu kerap kali dan sentiasa terancam atau tergugat tetapi apabila kebenaran itu telah meresap dan mesra ke dalam hati seseorang maka ia akan dicinta dan dikasihi lebih daripada yang dimiliki oleh orang itu sehingga ia redha mengorbankan diri untuk membela kebenaran yang tersebut.

===

Jadi pembawa kebenaran itu mendapat halangan atau rintangan maka yang demikian telah menjadi kebiasaan dan telah pun dibuktikan oleh tawarikh semenjak dunia didiami oleh manusia hingga hari ini dan yang demikian akan terus berjalan dan terjadi sehingga kepada akhir dunia ini!

Kebenaran itu mendidik seseorang itu menjadi berani suka membela, menolong dan berbuat adil pada dirinya dan orang lain: Cekal menyampaikannya kepada orang. Orang-orang yang menyampaikan kebenaran belum mempunyai sifat yang demikian tandanya ia belum yakin kepada kebenaran yang dibawanya itu. Kebenaran itu tahan diuji, dicuba, berterus-terang dan berani berhadapan dengan sesiapa jua pun.

Sekalian manusia, selain daripada manusia yang tidak mengetahui dirinya itu manusia, akan mengakui bahawa Rasul-rasul yang diutus oleh Allah itu ialah orang-orang yang membawa kebenaran daripada Tuhan; dan mereka itu telah berani

berhadapan dengan manusia yang ingkar kepada kebenaran yang dibawanya itu. Nabi Nuh *'alaihi al-salām* telah berhadapan dengan kaumnya yang ingkar kepada kebenaran yang dibawanya: Nabi Hud dengan kaumnya Ad; Nabi Salih dengan kaumnya Samud, Nabi Ibrahim dengan Namrud; Nabi Syu'ib dengan Madin, Nabi Musa dengan Firaun; Nabi Sulaimān dengan Balqis; Nabi Isa dengan Yahudi dan Nabi Muhammad (SAW) dengan sekalian manusia. Hingga sekarang kebenaran itu sanggup berhadapan dengan sesiapa jua pun.

Allah telah berfirman (maksudnya): “Kebenaran itu Tuhanmu. Kerana itu janganlah engkau jadi daripada orang yang ragu-ragu”

Tidak ada suatu riwayat atau tawarikh yang menerangkan kebenaran itu berani berhadapan dengan sesiapa jua pun yang lebih lengkap daripada riwayat junjungan kita Muhammad (SAW) kerana Rasul yang akhir ini telah berhadapan menunjukkan dan memperlihatkan kebenaran itu di hadapan berbagai-bagai jenis manusia dan berbagai-bagai pula keadaannya.

Rasulullah berdiri dengan tegak dan dengan tidak gentar menyeru manusia menyembah Allah menegah manusia mengerjakan adat-adat yang merosakkan maslahat mereka yang telah dipusakai oleh mereka daripada bapa-bapa mereka atau pun pusaka-pusaka yang telah dihiasi oleh syaitan! Rasulullah (SAW) telah menunjukkan bagaimana buruknya menyembah berhala, api kayu dan pohon; dan mengajak mereka itu supaya menyembah Allah iaitu Tuhan yang sebenar-benarnya yang mempunyai sifat-sifat yang sempurna dan jauh daripada segala sifat kekurangan.

Tatkala mendengar seruan Nabi yang hebat itu mereka terus bangkit dan ingkar. Mereka tolak seruan itu dan mereka jadikan Nabi yang menyeru kepada kebenaran itu sehebat-hebat musuh sehingga Rasulullah diasingkan daripada kaum kerabatnya. Mereka kemudiannya memulai membantah, membahas, meminta bukti kebenaran Nabi serta disebalik itu mencari jalan untuk menjatuhkan hujah-hujah dan keterangan-keterangan yang diberi oleh Nabi itu dengan berbagai-bagai cara dan daya upaya

Semuanya halangan-halangan itu Nabi sambut dengan tenang dan sabar serta berani sambil menunjukkan bukti-bukti yang nyata dan kuat yang tak dapat dibantah lagi; dan semua pertanyaan-pertanyaan mereka dijawab dengan cukup memuaskan.

Sebesar-besar bukti yang digunakan oleh Rasulullah untuk berhujah dan menetapkan kebenaran itu ialah al-Quran yang di dalamnya terkandung keterangan yang jelas dan nyata tentang kerasulannya dan kebenaran yang dibawanya. Dari semenjak itu tak ada seorang pun yang sanggup membantah, menyalahkan dan membuat suatu surat sahaja seumpamanya sehingga hari ini bahkan hingga hari kiamat nanti. Di hadapan manusia yang berbagai-bagai macam keadaannya Allah telah memerintah kepada Nabi Muhammad *ṣallā Allāh ‘alaih wa sallam* membacakan wahyunya (maksudnya): “Katakanlah aku telah ditegah menyembah berhala-berhala yang kamu sembah selain Allah. Katakanlah- aku tidak akan ikut kehendak kamu sesungguhnya kalau aku ikut setelah aku dan bukanlah aku daripada orang yang dapat pertunjuk.”

Katakanlah sesungguhnya aku (berjalan atas panduan dari Tuhanku dan kamu telah dustakan jalan itu: tidak ada padaku (azab) yang kamu minta dengan lekas itu; tidak ada keputusan itu melainkan kepunyaan Allah. Ia akan terangkan kebenaran itu dan ia sebaik-baiknya pemutus (Q. Surat al-An‘am 56 dan 57).

Daripada dua ayat yang tersebut di atas ini dapat kita mengambil pelajaran yang mustahak supaya berani menegaskan kebenaran berhadapan dengan sesiapa jua pun. Bukannya sahaja Rasulullah berhujah dengan manusia sekali dua bahkan kerap kali dan begitu pula sahabat-sahabatnya; sebab tidak ada sedikit ayat-ayat Quran sebab banyak ayat-ayat Quran yang isinya berhadapan dengan manusia. Di dalam perbahasan-perbahasan itu *Rasul Allāh ṣallā Allāh ‘alaih wa sallam* sentiasa mendapat kemenangan- dengan tepatnya bahawa musuh tak dapat menjatuhkan kebenaran. Ini semuanya tidaklah sebabnya melainkan yang dibawanya itu kebenaran



*Kaum ibu yang hadir mendengar muktamar alim ulama dan mubaligh Islam di Medan baharu-baharu in. Mereka ditempatkan di suatu tempat yang tertentu –gambar “Raya” Foto servis Medan.*

dan pembawanya yakin kepada kebenaran itu.

Dengan kejadian di atas apakah kaum Muslimin masih juga takut-takut menerangkan kebenaran agamanya di hadapan ramai?! Dan masihkah mereka itu ngeri menjalankan hukum-hukum Islam yang benar itu- terutamanya berhadap-hadapan?

Jangan dahulu mengaku menjadi Muslim sebelum kebenaran yang ada di dada itu dikeluarkan! Dan kita mesti malu kepada kaum lain yang berani menerangkan kesesatan di hadapan umum. Takutkah kita dengan kerana menegakkan kebenaran itu akan menjadi pecahnya kesatuan umat?! Kesatuan itu tidak akan kamu dapati menjadi kesatuan yang teguh selagi di dalam kesatuan itu bercampur kebenaran dan kesesatan: Sunnah dengan bidaah.

Sememangnya persatuan kuda, keldai, lembu dan kerbau itu lebih lekas mendapat banyak bilangan daripada persatuan sejenis sahaja. Tetapi kita mesti ingat mereka itu hanya badannya sahaja yang berkumpul menjadi satu pada hal hatinya bercerai-cerai.


Tuhan berfirman (maksudnya): “Engkau sangka mereka itu bersama pada hal hati mereka bercerai-cerai. Yang demikian itu kerana mereka kaum yang tidak berakal (Q. al-Hasyr ayat 16).

Persatuan tidak akan kita dapati selagi fahaman dan keyakinan tidak sama kalau kita perhati keadaan-keadaan di sekeliling kita di Semenanjung ini hari ini maka kaum Muslimin tidak kita dapati ada mempunyai persatuan.

Persatuan yang kuat mendirikan kebenaran di atas kalimah

*La ila ha illā Allāh Muhammad Rasullāh.*

Apabila datang seorang akan mendatangi kebenaran dan



*Perdana Menteri Indonesia Wilopo sedang memberi ucapan di dalam majlis pertemuan kongres*

*Partai Sarekat Islam Indonesia yang diadakan di Jakarta baharu-baharu ini.*

mendirikan hak atas kebenaran itu. Mencarinya dan menunjukkan kepada ramai atas kebenaran itu maka pihak yang lain menyatakan bahawa langkahnya itu adalah akan memecahkan persatuan mereka menyatakan bahawa langkah-langkah itu memecahbelahkan umat tetapi mereka lupa bahawa tidak ada persatuan yang mereka katakan dan bagaimanakah orang yang mencari hakk itu dituduh akan memecah belahkan umat pada hal kalau mereka bersatu di dalam kebenaran itu maka tak dapat tiada persatuan mereka akan menjadi pejal. Tidak dapat diugut tidak dapat diganjak dan tidak redha dipermain-mainkan orang dan jauh sekali daripada dijadikan orang perkakasan, dijadikan orang alat untuk meruntuhkan kemuliaan dan ketinggian agama kita. Agama yang membawa kebenaran, kebenaran yang datangnya daripada Allah. Kebenaran pertunjuk yang tepat yang tidak membawa kita kepada ragu-ragu dan waham di atas sesuatu kebenaran yang tidak membenarkan kita ditarik sebagai lembu dicucuk hidung. Kebenaran yang tidak membenarkan mengagung-agungkan seseorang yang ingin kepada kemuliaan dan kemewahan untuk faedah dirinya adanya.